

01 NOV 2001

PESARA DAPAT BONUS RM200

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Pesara kerajaan akan mendapat bonus sebanyak RM200, manakala penyandang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) turut mendapat bonus setengah bulan dan kenaikan gaji pokok sebanyak 10 peratus seperti kakitangan kerajaan yang lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata keputusan memberikan bonus kepada para pesara dibuat berikutan sungutan yang diterima daripada golongan tersebut.

Sementara bagi JUSA, ini kali pertama mereka diberikan kenaikan gaji bersama kakitangan kerajaan yang lain, katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan makan malam Malam Belanjawan 2001 di sini.

Beliau berkata penyandang jawatan itu tidak mendapat kenaikan gaji apabila kerajaan menaikkan gaji pokok kakitangan awam sebanyak 10 peratus pada tahun lepas.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen bulan lepas, Dr Mahathir mengumumkan lebih 900,000 kakitangan kerajaan akan menikmati bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tahun ini dan kenaikan gaji pokok 10 peratus pada tahun depan.

-- BERNAMA.

HK HK ZB